

Penginterpretasian Makna Kata Kunci dalam Pembentukan Hati Budi Melayu sebagai Simbol Pelestarian Budaya dan Peradaban Masyarakat

Rozita Che Rodi*

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

ABSTRAK

Kata kunci didefinisikan sebagai sejumlah perkataan dalam perbendaharaan kata sesuatu bahasa yang sangat kuat mempengaruhi pembentukan fikiran konsepsi masyarakat itu tentang kewujudan, alam, realiti dan kehidupan mereka. Kata kunci boleh juga terdiri daripada sejumlah perkataan atau rangkaian kata yang terpenting dalam sesuatu teks yang boleh membentuk satu medan semantik berpusatkan satu kata fokus. Analisis kata kunci ini bertujuan untuk menemukan konsep asas yang mendasari teks dan juga pemikiran pengarang. Penelitian terhadap kajian hati budi Melayu atau "Malay psyche" oleh Hashim Musa (2008) yang telah menubuhkan 26 komponen teras hati budi dan diwariskan daripada satu generasi ke satu generasi akan diuraikan dalam kertas kerja ini. Teras hati budi Melayu merupakan pemusatan utama struktur keperibadian sosial kebanyakan orang Melayu secara arus perdana. Ianya terbentuk akibat daripada pengalaman asasi dan cara hidup yang dikongsi bersama dan membentuk jati diri mereka. Selain itu, penginterpretasian berhubung makna setiap istilah atau disebut kata kunci yang menunjangi keseluruhan komponen itu akan membantu masyarakat mengetahui bahawa fungsi sesuatu istilah atau ungkapan itu sebagai cerminan hati budi masyarakat Melayu. Ianya mencakupi segala aspek dalam sesuatu bahasa. Sebanyak 26 komponen hati budi ini yang ditunjangi oleh sejumlah kata kunci akan dibincangkan secara mendalam dalam kertas kerja ini. Kata kunci itu menjadi simbol kepada pelestarian budaya dan pemikiran dalam peradaban masyarakat secara umum dan Melayu secara khususnya.

Kata Kunci: Hati Budi Melayu, Kata Kunci, Takrifan, Komponen Teras, Pemaknaan, Kiasan.

PENDAHULUAN

Kedatangan kuasa penjajah ke Tanah Melayu sejak abad ke-15 telah meninggalkan kesan yang besar kepada penduduk setempat khusus dalam mempengaruhi sifat keperibadian dan tindak tanduk mereka. Pelbagai contoh keadaan yang boleh dilihat daripada situasi tersebut. Antaranya melalui tanggapan beberapa orang pegawai penjajah Barat dalam tulisan mereka yang mengulas tentang keperibadian orang Melayu berdasarkan persepsi dan pemerhatian mereka yang cenderung menyatakan bahawa orang Melayu secara umumnya tidak berminat untuk bekerja kuat dan berterusan yang dengan itu dianggapnya malas. Umpamanya Frank Swettenham (1955:134) telah menyebut antara lain "*The leading characteristic of the Malay of every class is the disinclination to work... Whatever the cause the Malay of Peninsula was, and is unquestionably apposed to steady continuos works*" (Sifat utama orang Melayu daripada semua kelas enggan untuk bekerja... walau apapun sebabnya orang Melayu di Semenanjung sememangnya menentang bekerja secara tekal dan berterusan). Namun, Swettenham juga cuba mengulas sebab musabab sifat orang Melayu demikian, iaitu akibat daripada keadaan cuaca yang panas dan lembab, topografi yang landai dan selesa, serta tekanan daripada pihak yang berkuasa yang mungkin merampas sahaja harta kekayaan mereka, semua ini mengakibatkan

*Emel: ita_cherodi@upm.edu.my

orang Melayu umumnya berkeberatan untuk bekerja kuat dan berterusan demi mengumpulkan harta.

Selain karya penulis kolonial Barat, ada dua buah karya utama oleh penulis tempatan yang mengulas tentang sifat keperibadian sosial masyarakat Melayu pascakolonial, iaitu *Revolusi Mental* yang diedit oleh Senu Abdul Rahman (1971) dan *The Malay Dilemma* oleh Mahathir Mohamed (1970), yang mengikut analisis Syed Hussain al-Attas (1977) telah menggambarkan sifat negatif orang Melayu lebih teruk daripada pandangan pegawai penjajah Barat pada zaman kolonial. Oleh itu, kertas kerja ini akan menghuraikan makna kesemua kata kunci hati budi Melayu itu secara terperinci bagi menggambarkan ciri perwatakan masyarakat Melayu yang membawa kepada pembentukan nilai teras hati budi dan jati dirinya. Antara nilai teras hati budi yang dimaksudkan di sini ialah sopan santun, lemah lembut, berbudi bahasa, bersih tutur kata, dan berhemah tinggi.

Dalam erti kata lain, nilai ini sebenarnya mencerminkan sifat dan keperibadian masyarakat Melayu secara arus perdana. Sifat dan keperibadian inilah yang menyebabkan orang luar mudah mendekati kelompok ini. Pada kebiasaannya, nilai teras hati budi Melayu ini ditonjolkan menerusi peribahasa, pepatah petitih, pantun, gurindam dan seloka. Namun begitu, kebanyakan mesej yang ingin disampaikan adalah secara tersirat dan untuk memahami maksud tersebut bukanlah sesuatu proses yang mudah kerana melibatkan banyak perkara tertentu yang mesti diberi perhatian. Masalah yang berkaitan dengan pemahaman sesuatu konsep itu berkemungkinan disebabkan kesukaran memahami maknanya secara menyeluruh, iaitu daripada segi definisi, makna asasnya dan lapangan konteksnya. Hal ini turut dinyatakan oleh J. Thomas (1995:22) seperti berikut:

... meaning is not something which is inherent in the words alone, nor is it produced by the speaker alone, nor by the hearer alone. Making meaning is a dynamic process, involving the negotiation of meaning between speaker and hearer, the context of utterance (physical, social and linguistic) and meaning potential of an utterance.

Justeru, kertas kerja ini akan menghuraikan ciri perwatakan masyarakat Melayu yang membawa kepada pembentukan hati budi dan jati dirinya sehingga dilihat sebagai sebuah bangsa yang dapat membina tamadun tinggi dalam sejarahnya. Hati budi Melayu itu dilihat sebagai terdiri daripada beberapa komponen teras yang terdiri daripada 26 komponen yang ditubuhkan berdasarkan satu kaedah pemerhatian dan analisis terhadap beberapa bentuk pepatah dan puisi Melayu lama. 26 komponen teras itu dianalisis pula berdasarkan beberapa kata kunci yang menjadi tunjang pemaknaannya dengan tujuan untuk menyelami rangka konseptual bagi komponen hati budi itu.

26 KOMPONEN TERAS HATI BUDI MELAYU

Berdasarkan analisis ke atas teks yang mengandungi pepatah, simpulan bahasa dan pantun Melayu dan juga beberapa hasil tulisan tentang adab, tunjuk ajar, akhlak dan budaya Melayu, terutamanya oleh Tenas Effendy (2004, *Ethos Kerja* dan 2006, *Tunjuk Ajar Melayu*) dan juga Abbas Mohd Shariff (2004, *Adab Orang Melayu*), Ismail Hamid (1991, *Masyarakat dan Budaya Melayu*), Syed Hussein al-Attas (1977, *The Myth of the Lazy Native*), Za'ba (1982, *Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri*) dan lain-lain, maka Hashim Hj. Musa (2008:7) telah menubuhkan beberapa keperibadian teras milik sepunya orang Melayu secara arus perdana, iaitu sebanyak 26 komponen yang membentuk hati budinya, setiap satunya didukung oleh kata kunci atau ungkapan kunci tertentu seperti berikut:

Jadual 1 Padanan 26 komponen hati budi melayu dengan kata kunci atau ungkapan kunci yang mendukungnya

Komponen Hati Budi Melayu	Kata Kunci atau Ungkapan Kunci
Komponen 1: Hidup berteraskan agama Islam	Berteraskan Islam
Komponen 2: Pendidikan demi membentuk manusia yang berilmu, beradab, berbudi, bertakwa dan beramal	Pendidikan dalam masyarakat Melayu
Komponen 3: Nilai kerja yang mengutamakan kesungguhan, kecekapan, kerajinan dan kerukunan bagi manfaat dunia dan akhirat sehingga ke anak cucu	Nilai kerja
Komponen 4: Taat dan berkhidmat kepada ibu bapa serta memuliakan mereka	Taat kepada ibu bapa
Komponen 5: Setia kepada ketua yang adil, terpuji dan benar	Setia kepada ketua
Komponen 6: Halus budi bahasa dan budi pekerti	Halus budi bahasa dan pekerti
Komponen 7: Sentiasa bermuafakat, bertimbang rasa, tolong-menolong dan mengutamakan kebajikan umum dan hidup bermasyarakat	Muafakat dalam masyarakat
Komponen 8: Hormat dan khidmat dalam pergaulan dan dengan tetamu	Hormat tetamu dan pergaulan
Komponen 9: Sederhana bukan ekstremis dalam tutur kata dan tingkah laku, hemat dan cermat, tidak kasar, keras, militan dan ganas	Sederhana dan tidak ekstrem
Komponen 10: Sangat prihatin tentang harga diri dan maruah yang terjelma dalam istilah 'menjaga air muka' dan 'rasa malu yang mendalam'	Menjaga maruah diri
Komponen 11: Tahu tempat dan letak sesuatu dan diri setiap orang dan bertindak sewajarnya	Penyesuaian diri dalam pergaulan
Komponen 12 : Membela dan mempertahankan kebenaran dan keadilan	Membela kebenaran dan keadilan
Komponen 13: Menanam budi dan membalas budi	Menanam dan membalas budi
Komponen 14: Sifat pemaaf dan pemurah	Pemaaf dan pemurah
Komponen 15: Sifat kasih sayang	Pengasih dan penyayang
Komponen 16: Hidup sederhana	Kehidupan sederhana
Komponen 17: Ikhlas dan rela berkorban	Ikhlas dan pengorbanan
Komponen 18: Sikap berdikari	Berdikari
Komponen 19: Menghormati hak dan milik	Hormat hak dan milik
Komponen 20: Kejujuran dan keikhlasan	Kejujuran peribadi

Komponen 21: Berbaik sangka terhadap sesama makhluk	Berbaik sangka
Komponen 22: Sifat keterbukaan, tidak menyimpan rasa dan curang	Keterbukaan pemikiran
Komponen 23: Sifat amanah	Amanah
Komponen 24: Memanfaatkan waktu, tidak membuang masa	Memanfaatkan waktu
Komponen 25: Memandang masa depan	Berpandangan jauh
Komponen 26: Mensyukuri nikmat Allah	Mensyukuri nikmat

Sebanyak 26 sifat keperibadian teras milik sepunya orang Melayu secara arus perdana yang telah dipaparkan di atas adalah juga merupakan komponen teras hati budi Melayu. Istilah “hati” boleh disamakan dengan kalbu yang diertikan sebagai suatu unsur dalam diri manusia yang halus dan seni bersifat rohaniah dan merupakan hakikat manusia yang sebenarnya, iaitu yang dapat menyedari segala-gala yang diketahuinya. Hati juga sebagai jiwa, iaitu tempat perasaan, keinginan dan kemahuan (Hashim Musa, 2008:6). Oleh itu, “hati” boleh disimpulkan sebagai unsur rohaniah berfungsi sebagai tempat perasaan, keinginan dan kemahuan.

Manakala istilah “budi” mempunyai pengertian yang amat luas. “Budi” berasal dari kata Sanskrit “*Buddhi*” yang bermaksud bijak, pekerti baik dan mulia (Teuku Iskandar, 2005:212) atau dalam bahasa Inggerisnya “*wisdom*” atau “*intellect*”. Istilah “budi” juga boleh disamakan dengan istilah akal, minda dan kebijaksanaan yang boleh didefinisikan sebagai kuasa dan kebolehan untuk mengerti dan mengetahui yang dibezakan daripada kebolehan untuk merasa dan mengingini; dan kapasiti untuk memperoleh ilmu (Hashim Musa, 2008:5).

Kesimpulannya, definisi “budi” ialah perangai yang baik, akhlak yang terpuji, tingkah laku yang sopan dan watak yang sempurna dengan akal dan kebijaksanaan. Budi luhur juga melambangkan sifat manusia yang baik, perbuatan yang berakhlak dengan melakukan kebajikan kepada manusia lain. Melalui “budi” akan lahirnya bicara, daya upaya yang sempurna dalam kehidupan seharian.

KATA KUNCI DALAM PEMBENTUKAN 26 KOMPONEN TERAS HATI BUDI MELAYU

Menurut Hashim Musa (2006:99), kata kunci ialah sejumlah perkataan dalam perbendaharaan kata sesuatu bahasa yang sangat kuat mempengaruhi pembentukan fikiran konsepsi sesuatu masyarakat tentang kewujudan, alam, realiti dan kehidupan mereka. Kata kunci boleh juga terdiri daripada sejumlah perkataan atau rangkai kata yang terpenting dalam sesuatu teks. Kata-kata kunci itu dapat dikelompokkan ke dalam beberapa kelompok permaknaan yang sama berdasarkan keberkaitan makna antara kata-kata kunci itu sehingga dengan itu membentuk pula medan semantik yang berpusatkan kepada satu-satu kata fokus sebagai nuklusnya.

Kata kunci perlu dianalisis maknanya agar segala konsep dan mesej yang tersemadi di dalamnya dapat diketengahkan dan diketahui umum. Justeru, adalah amat penting penghuraian secara mendalam setiap perkataan atau istilah yang menjadi dasar kepada pembentukan sesuatu komponen. Dalam kertas kerja ini telah ditubuhkan sebanyak lapan kata kunci yang menunjangi 26 komponen teras hati budi Melayu itu. Lapan kata kunci itu dikelompokkan ke dalam dua aspek utama, iaitu:

- i. Kata kunci yang menggambarkan sifat orang Melayu secara individu
- ii. Kata kunci yang menggambarkan sifat orang Melayu secara berkelompok

Kewajaran pembahagian dua aspek perbincangan tersebut ialah bersandarkan:

- i. penentuan keadaan hidup orang Melayu, iaitu dilihat melalui cara pemikiran masyarakat dan akal budinya,
- ii. segala tindak-tanduk serta perlakuan orang Melayu yang mencirikan sifat yang berkait rapat dengan pencapaian kemajuannya, iaitu merujuk kepada pola perlakuannya yang terbentuk daripada sifat individu (“sabar”, “amanah”, “ikhlas” dan “jujur”), kemudian apabila bergabung secara berkelompok, ianya akan berkembang sehingga melahirkan sifat “taat”, “muafakat”, “teguh”, dan “berani”,
- iii. hasil daripada keadaan tersebut akan melahirkan ciri-ciri keperibadian berdasarkan ajaran Islam yang unggul.

KATA KUNCI YANG MENGGAMBARAKAN SIFAT ORANG MELAYU SECARA INDIVIDU

Sebanyak empat kata kunci utama antara yang dikenal pasti menjadi tunjang pembentukan 26 komponen teras hati budi Melayu yang dilihat melalui sifat masyarakatnya secara individu. Empat kata kunci tersebut ialah “sabar”, “amanah”, “ikhlas” dan “jujur”. Kesemua kata kunci dipilih berdasarkan kewajarannya sebagai sifat yang terpuji atau disanjung dan diterima dalam masyarakat.

Sabar

“Sabar” bermaksud betah menahan penderitaan, iaitu kesakitan atau kesusahan (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2005:1361). “Sabar” juga turut dikaitkan dengan sifat tidak terburu-buru dan tenang dalam melakukan sebarang bentuk pekerjaan. Sifat “sabar” merupakan antara ciri orang yang bertaqwa. Menurut Mohd Nasir Omar (2005:77), salah satu ciri orang yang bertakwa mestilah mempunyai sifat “sabar” dalam diri. Justeru, sifat “sabar” ini akan dapat mengelakkan manusia daripada berbuat kejahatan seperti sifat panas baran yang boleh membawa kepada kemudaratan dan kebinasaan dalam hidup. Dalam masyarakat Melayu, terdapat banyak peribahasa yang mengaitkan kaum ini dengan sifat “sabar”. Sebagai contoh, “sabar penghilang penat, tekun pembawa dekat”, iaitu bermaksud seseorang yang sabar berusaha akan mendapat hasilnya setimpal dengan usaha yang dilakukan.

Selain itu, dalam agama Islam sendiri amat dituntut agar umatnya menanamkan sifat “sabar” dalam diri. Hal ini dijelaskan dalam al-Quran yang bermaksud:

“Kami akan membalas orang-orang yang sabar dengan memberikan pahala yang lebih baik daripada apa-apa yang mereka kerjakan.”

(*an-Nahl*:96)

Ayat di atas menjelaskan bahawa pentingnya sifat “sabar” dalam diri seseorang. Malah, disebutkan oleh Allah SWT dalam al-Quran bahawa terdapat lebih daripada 70 tempat ayat yang menceritakan tentang sifat “sabar”. Selain itu, dalam segala hal yang dilakukan, sifat “sabar” tetap diperlukan supaya segala yang ingin dilakukan dapat disempurnakan dengan baik. Malah, dalam semua keadaan seseorang itu sangat memerlukan sifat “sabar” dan keteguhan hati. Hal ini demikian kerana untuk menjadi hamba Tuhan yang baik, sifat “sabar” amat dituntut kerana ianya mampu membezakan manusia yang dikurniakan akal dengan makhluk lain di dunia ini. Secara ringkasnya, terdapat beberapa pengajaran yang boleh dijadikan panduan kepada masyarakat Islam, antaranya:

- i. "Sabar" ialah sifat mulia dan ia memerlukan latihan yang berterusan untuk mengekalkannya,
- ii. Orang yang berusaha melatih dirinya dengan sifat "sabar" merupakan orang yang akan dikasihi oleh Allah SWT, dan
- iii. Melalui sifat "sabar" akan menambahkan kebaikan dalam diri.

Sementara itu, gambaran mengenai sifat "sabar" dalam kalangan orang Melayu ini juga dapat dilihat dalam ungkapan Komponen 3 hati budi Melayu yang berbunyi:

Bila bekerja tekun dan sabar,
Punca rezeki terbuka lebar.
Berfaedah pada diri, bertuah pada negeri,
Bermanfaat pada umat, berguna pada bangsa,
Berkat di dunia, rahmat di akhirat, anak cucu selamat.

(Hashim Musa, 2008:8)

Daripada huraian di atas, secara ringkasnya dapat disimpulkan di sini bahawa hakikat "sabar" yang sempurna ialah "sabar" daripada melakukan segala perbuatan yang salah dan tercela. Selain itu, bukti seseorang itu memiliki sifat "sabar" ialah apabila seseorang itu berjaya dalam mengawal setiap keinginan dan gerak gerinya yang mampu membawanya ke arah keburukan. Malah, sifat "sabar" juga merupakan kunci kepada kesejahteraan umat dalam menyelesaikan sesuatu pekerjaan.

Amanah

Sifat "amanah" merupakan cerminan orang yang beriman dan bertaqwa. Sebaliknya, orang yang tidak "amanah" dianggap ingkar, tidak boleh dipercayai dan tidak bertanggungjawab (Tenas Effendy, 2006:386). Melalui pendapat tersebut dapat menjelaskan betapa pentingnya seseorang itu bersikap "amanah". Hal ini demikian kerana dengan mengamalkan sikap "amanah" dalam diri, akan membantu seseorang itu mencapai sesuatu kejayaan dalam hidupnya dengan lebih sempurna. Malah, tidak dapat dinafikan bahawa setiap orang yang bersikap "amanah" akan mendapat keredhaan dan keberkatan daripada Allah SWT. Seterusnya, Haron Din (2007:75) juga ada menyebut keadaan orang yang bersikap "amanah" dalam melaksanakan sesuatu tuntutan dalam hidupnya. Hal ini dapat dilihat melalui pernyataan berikut:

"Amanah ialah satu sifat mulia yang mesti dimiliki oleh setiap orang dalam menghadapi perjuangan hidup demi mencapai matlamat dan cita-cita yang diharapkan dan diidamkan. Masyarakat tidak dapat dibina melainkan dengan asas-asas yang kukuh dan tetap. Antaranya ialah asas amanah."

(Haron Din, 2007:75)

Berdasarkan pernyataan di atas, jelas membuktikan bahawa untuk melahirkan sesebuah masyarakat yang dapat berdaya saing dan mampu menangkis segala cabaran hidup, sifat "amanah" dalam diri harus dijadikan sebagai paksi utamanya. Malah, melalui sifat tersebut juga, pembentukan sebuah masyarakat yang kuat akan mampu direalisasikan. Dalam hal ini, masyarakat Melayu dilihat begitu menekankan sifat "amanah" dalam setiap tingkah-lakunya. Hal ini demikian kerana perkaitan "amanah" dengan ajaran Islam merupakan sesuatu yang tidak dapat dipisahkan. Melalui sifat tersebut, perihal keberkatan dalam diri setiap manusia yang mengamalkannya begitu banyak diperjelaskan di dalam al-Quran. Allah SWT dalam firman-Nya yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul-Nya, dan janganlah kamu mengkhianati amanah-amanah (yang diamanahkan kepada) kamu, sedang kamu mengetahui salahnya” (*al-Anfaal:27*).

Melalui petikan tersebut, jelas sekali menunjukkan bahawa sifat “amanah” bukanlah sesuatu yang boleh diambil mudah. Malah, sifat “amanah” tersebut bukan hanya ditekankan dalam diri orang Islam, tetapi juga kepada masyarakat daripada pelbagai kepercayaan agama. Hal ini demikian kerana rata-rata masyarakat menyedari akan hakikat kepentingan menanamkan sifat “amanah” dalam diri yang mampu menjamin kehidupan yang lebih sempurna.

Secara ringkasnya, dapat dilihat bahawa konsep “amanah” dalam kehidupan masyarakat Melayu meliputi pelbagai aspek. Malah, melalui penyenaian konsep tersebut menjelaskan bahawa masyarakat Melayu amat menitikberatkan soal “amanah” dalam kehidupan. Hal ini demikian kerana kebanyakan masyarakat Melayu menyedari tentang tanggungjawab yang harus dilaksanakan demi kelangsungan pewarisan nilai-nilai luhur ke dalam diri masyarakatnya. Selain itu, turut digambarkan ialah tentang kepentingan melaksanakan setiap “amanah” dalam kehidupan seperti yang dinyatakan dalam ungkapan Melayu, “kalau orang tua tidak beramanah, matinya tidak diterima tanah” (Tenas Effendy, 2006:442).

Malah, dalam al-Quran juga ada menyeru supaya umatnya untuk bersifat “amanah” seperti yang terdapat dalam terjemahan di bawah:

“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya).”

(*al-Nisa':58*)

Petikan tersebut jelas sekali mencirikan bahawa bersifat “amanah” merupakan satu tanggungjawab individu terhadap diri dan orang di sekelilingnya. Hal ini demikian kerana kestabilan dan keberkatan hidup turut bergantung kepada masyarakat yang mengamalkan sikap “amanah” dalam kehidupannya. Malah, dalam ungkapan Melayu juga ada menyebut “siapa hidup memegang amanah, dunia akhirat beroleh berkat” (Tenas Effendy, 2006:385). Melalui ungkapan tersebut juga jelas membuktikan bahawa sikap “amanah” ialah satu cara pembersihan atau penyucian jiwa. Abdul Rahman Abdullah (2005:90) dalam kajiannya, menyatakan bahawa antara usaha untuk penyucian jiwa ialah melalui dua aspek utama, iaitu proses “*takhalli*” atau pembuangan sifat keji (*mazmumah*), dan proses “*tahalli*” atau penghiasan dengan sifat terpuji (*mahmudah*). Antara sifat terpuji yang disebutkan oleh Abdul Rahman ialah seperti taubat, ikhlas, sabar, syukur, harap, takut, zuhud, pemaaf, tawakal, dan “amanah”.

Sementara itu, dalam ungkapan Komponen 12 hati budi Melayu ada menceritakan tentang sifat “amanah” yang tertanam dalam diri masyarakat Melayu seperti dalam contoh di bawah:

Apa tanda Melayu jati,
Membela keadilan berani mati,
Berani kerana benar,
Berani pada yang hak,
Berani menegakkan keadilan,
Berani menghapus arang di kening,
Berani mati memegang amanah,
Berani mati membela maruah,
Berani mati di jalan Allah.

(Hashim Musa, 2008:10)

Pada hakikatnya, segala sifat orang Melayu secara individu yang dihuraikan di atas merupakan perlambangan jati diri masyarakat tersebut sejak berzaman lamanya. Hal ini dapat dibuktikan

melalui kajian yang dilakukan oleh pengkaji terdahulu yang banyak menceritakan tentang sifat orang Melayu yang sentiasa berpegang kepada nasihat dan tunjuk ajar orang tua-tua Melayu supaya bersifat “amanah” dalam segala tingkah-laku. Hal ini bertujuan mengelakkan masyarakat Melayu mendapat keburukan di dalam hidupnya seperti yang diungkapkan oleh Tenas Effendy (2006:393), “kalau hidup tidak amanah, ke mana pergi tak dipercayai”.

Ikhlas

Perwatakan yang menyebut sifat “ikhlas” dapat dilihat wujud dalam diri masyarakat Melayu melalui ungkapan Komponen 17 hati budi Melayu di bawah:

Apa tanda Melayu sejati,
Tulus ikhlas di dalam hati,
Rela berkorban sampai mati.

(Hashim Musa, 2008:11)

Ungkapan tersebut menjelaskan bahawa masyarakat Melayu amat menekankan perhubungan yang baik antara satu sama lain. Menurut Tenas Effendy (2006:137), seseorang yang mempunyai sifat “ikhlas” dalam dirinya akan mewujudkan jalinan persaudaraan yang sejati. Hal ini demikian kerana beliau menggambarkan masyarakat Melayu gemar membantu sesama mereka tanpa mengharapkan balasan. Malah, dalam kehidupan seharian juga telah diasuh dalam masyarakat Melayu supaya sentiasa berbuat kebajikan secara “ikhlas” dan secara suka rela.

Malah, orang Melayu dahulu selalu mengingatkan supaya apabila melakukan sebarang pekerjaan hendaklah dilakukan dengan tulus dan “ikhlas”. Sekiranya sebarang pekerjaan dilakukan tanpa mengikut acuan tersebut, maka pekerjaan itu akan menjadi sia-sia seperti dalam ungkapan “kalau bekerja tiada ikhlas, pahala lesap dan faedahnya lepas” (Tenas Effendy, 2006:146). Sementara itu, konsep “ikhlas” boleh dikaitkan juga dengan keikhlasan dalam mentauhidkan Allah SWT dan seluruh ketaatan kerana-Nya. Dalam al-Quran juga ada menyebut tentang sifat ikhlas, iaitu seperti dalam terjemahan ayat di bawah:

“Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlasakan ibadat kepada-Nya, lagi tetap teguh di atas tauhid; dan supaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat, dan yang demikian itulah agama yang benar” (*al-Bayyinah*, 98:5).

Dalam hal ini, jelas menyatakan bahawa “ikhlas” merupakan suatu amalan hati yang dipuji dan ianya menjadi syarat segala amal ibadat akan diterima oleh Allah SWT. Dengan kata lain, tanpa “keikhlasan” dalam beramal ibadat, dalam amalan kebaktian, segalanya akan menjadi sia-sia kerana ianya sama sekali tidak akan diterima oleh Allah SWT dan juga dibenci oleh manusia. Namun begitu, sifat “ikhlas” ini sebenarnya ialah rahsia antara manusia dengan Yang Maha Pencipta. Hal ini ada disebut di dalam hadis yang diriwayatkan oleh al-Hasan al Basri dalam buku Sheikh Abdul Qadir Mandili (1964:84):

“Ikhlas itu satu rahsia daripada rahsia-rahsia-Ku, Aku taruhkannya pada hati mereka yang aku kasihi daripada kalangan hamba-hamba-ku” (Sheikh Abdul Qadir Mandili, 1964:84).

Melalui perbincangan yang menyentuh tentang kata kunci “ikhlas” di atas, dapatlah disimpulkan di sini bahawa aspek perwatakan tersebut merupakan jati diri yang dimiliki oleh masyarakat Melayu. Sifat berkenaan dilihat menonjol dalam diri masyarakat Melayu demi mendapatkan keberkatan dalam mencari rezeki dan keredhaan hidup di dunia dan akhirat. Selain itu, melalui pekerjaan yang dilaksanakan, masyarakat Melayu selalu diingatkan untuk melakukan sesuatu

perkara dengan niat “ikhlas” tanpa mengharapkan balasan. Dalam konteks yang sebenar, sifat “ikhlas” ini akan melahirkan masyarakat yang lebih bersifat tekun dan sabar dalam diri mereka.

Jujur

Kata kunci “jujur” merupakan salah satu kata kunci yang dikenal pasti oleh pengkaji sebagai antara yang menjadi istilah utama dalam pembentukan 26 komponen teras hati budi Melayu. Paul Suparno (2011:67) menyatakan bahawa masyarakat Melayu ialah masyarakat yang sentiasa mengimbangi hidupnya dengan menanamkan sikap “jujur” dalam diri sendiri. Hal ini demikian kerana secara umumnya masyarakat mengetahui bahawa bersikap “jujur” dalam kehidupan ialah sesuatu perkara yang sangat penting. Dengan asas “kejujuran” dalam hati setiap masyarakat, ianya dapat membangunkan rasa kepercayaan antara satu sama lain. “Kejujuran” selalu dijadikan teladan bagi anak-anak Melayu kerana dalam ungkapan Melayu juga ada disebut:

“Orang yang jujur, ikhlas, lurus, dan bersih hati akan dihormati dan disegani oleh masyarakat”
(Tenas Effendy, 2006:288).

Ungkapan tersebut menggambarkan bahawa orang yang tidak bersikap “jujur” dalam hidupnya akan mendapat banyak keburukan dan kesulitan dalam hidup. Hal ini demikian kerana bagi orang yang meminggirkan sikap tersebut dalam dirinya membuatkan hidupnya juga akan ditimpa keadaan yang sama, iaitu sentiasa mendapat kesusahan dan juga dikhianati. Malah, dalam ungkapan Melayu juga turut menggambarkan keadaan orang yang tidak bersikap “jujur” dalam hidupnya seperti berikut:

Apa tanda orang durjana,
Kalau bercakap mengulum lidah,
Kalau berjalan menumit langkah,
Kalau berkawan mendurhaka,
Kalau bergaul mengambil muka,
Kalau bekerja bermuka dua.


(Tenas Effendy, 2006:301)

Ungkapan tersebut jelas menunjukkan bagaimana keadaan seseorang yang bersikap tidak “jujur” dalam kehidupannya. Melalui ungkapan tersebut juga, menunjukkan bagaimana masyarakat Melayu mengambil pengajaran dalam melatih diri untuk bersikap “jujur” dan mengelakkan diri daripada ditimpa sebarang kesusahan dalam hidupnya. Pada hakikatnya, sikap “jujur” tidak akan menjadi suatu jatidiri dalam membentuk identiti seseorang, tetapi sikap tersebut haruslah diamalkan secara terus-menerus. Hal itu dapat dilatih sejak kecil supaya akan terbiasa dengan perihal “kejujuran” dalam bertindak dan bertutur. Selanjutnya, di bawah ini diperturunkan ungkapan Komponen 20 hati budi Melayu yang menggambarkan perwatakan “jujur” tersebut wujud dalam diri masyarakat Melayu:

Apa tanda Melayu jati,
Lidahnyajujur hatinya suci,
Apa tanda Melayu budiman,
Jujur dan ikhlas jadi pakaian.

(Hashim Musa, 2008:11)

Melalui perbincangan keempat-empat kata kunci di atas, dipaparkan rajah padanan komponen teras hati budi Melayu dengan kata kunci yang dikenal pasti sebagai mewakili sifat orang Melayu secara individu seperti dalam rajah di bawah:



Rajah 1. Padanan komponen teras hati budi Melayu dengan kata kunci yang dikenal pasti dalam sifat orang Melayu secara individu.

KATA KUNCI YANG MENGGAMBARAKAN SIFAT ORANG MELAYU SECARA BERKELOMPOK

Sebanyak empat kata kunci utama antara yang dikenal pasti menjadi tunjang pembentukan 26 komponen teras hati budi Melayu yang dilihat melalui sifat masyarakatnya secara berkelompok. Empat kata kunci tersebut ialah "taat", "muafakat", "teguh" dan "berani". Seperti dalam pengenalan pastian kata kunci sifat orang Melayu secara individu, kesemua kata kunci dalam aspek ini dipilih adalah berdasarkan kewajarannya sebagai sifat yang terpuji atau disanjung dan diterima dalam masyarakat.

1. Taat

Antara orang Melayu yang terkenal dengan sifat "taatnya" kepada pemerintah ialah Bendahara Tun Perak, Bendahara Tun Mutahir dan Laksamana Hang Tuah. "Ketaatan" tokoh legenda Melayu ini kepada rajanya telah membawa kesultanan Melayu Melaka mencapai tahap kegemilangan. Seluruh rakyat Melayu Melaka pada masa itu hidup aman dan damai disebabkan amalan "taat" kepada raja Melaka. Sikap "taat" orang Melayu ini dapat dilihat dalam ungkapan Komponen 5 hati budi Melayu yang berbunyi:

Elok kampung ada tuanya, elok negeri ada rajanya,
Adat hidup orang terhormat, kepada pemimpinnya ia taat.

(Hashim Musa, 2008:8)

"Ketaatan" masyarakat Melayu di zaman silam terhadap sultan yang memerintah dapat menggambarkan keluhuran keperibadian mereka sebagaimana yang diucapkan oleh Hang Tuah kepada Raja Inderapura:

"Apatah salahnya Duli Yang Dipertuan Inderapura ini hendak berhambakan sahaya? Tetapi Si Tuah tiada mau bertuan dua tiga lain daripada anak cucu di Bukit Seguntang."

(Kassim Ahmad, 1996:174)

Kata-kata daripada Laksamana Hang Tuah jelas menggambarkan hulubalang Melayu sangat “taat” kepada pemerintahnya. Hal ini berlaku kerana keperibadian orang Melayu yang kuat berpegang kepada ungkapan “Raja adil raja disembah, raja zalim raja disanggah.” Selain berpegang kepada prinsip hidup tersebut, masyarakat Melayu juga mempercayai “tulah raja”. Tulah bermaksud bahawa bencana yang berlaku kepada rakyat biasa yang mengingkari perintah dan arahan Raja atau Sultan (Lee Sin Lian & Aleeya Atiqah Ammar, 2009:102).

Secara kesimpulannya, sifat “taat” merupakan sifat yang penting dalam kehidupan golongan raja dan rakyat. Hal ini disebabkan, keadilan seorang raja itu dengan sendirinya akan menghidupkan rasa “taat” dalam kalangan rakyat. Syariat Islam telah menggariskan asas pemerintahan yang menjamin keadilan kepada manusia sejagat untuk memandu pemerintah agar tidak menzahirkan kezaliman dengan sesuka hati, manakala kewajipan “taat” kepada pemimpin kaum muslimin merupakan perkara yang ijmak (kesepakatan pendapat antara alim ulama berhubung dengan sesuatu masalah (hal agama dan lain-lain) dengan berdasarkan al-Quran, hadis atau qias) dan perlu dilakukan oleh seorang rakyat kepada pemerintahnya.

Muafakat

Apa tanda hidup beradat,
Runding selesai dalam muafakat,
Hak ditakar, kewajipan disukai,
Mana yang jauh diperdekat,
Mana yang jarang diperapat,
Mana yang lupa diberi ingat,
Kata putus pendapat pun bulat,
Seia sekata ke laut ke darat.

(Hashim Musa, 2008:8)

Ungkapan di atas menjelaskan bahawa kestabilan sosial dalam masyarakat Melayu juga dicapai melalui amalan toleransi agar segala adat yang diamalkan dapat terus dipertahankan. Malah, digambarkan dalam ungkapan di atas, cara hidup melalui “muafakat” dapat menjamin sesuatu adat dalam masyarakat Melayu dapat disalurkan kepada generasi seterusnya. Hal ini jelas menggambarkan bahawa dalam menghidupkan adat dalam masyarakat Melayu, semangat “permuafakatan” merupakan cara hidup yang diamalkan. Hal ini disebabkan masyarakat Melayu percaya bahawa prinsip “muafakat” diperlukan untuk menyusun kekuatan dalam mencapai sesuatu tujuan.

Secara umumnya, “muafakat” ialah satu bentuk kerjasama yang dilakukan secara beramai-ramai. Dengan merujuk kepada hakikat bahawa setiap manusia adalah hidup dalam kelompok bersaudara dan bermasyarakat. Oleh yang demikian, setiap amalan yang dilakukan ialah secara prinsip “muafakat” supaya setiap perkara yang dilakukan mencapai kata sepakat dan tujuan yang disasarkan. Malah, dalam ungkapan Melayu banyak menyebut tentang prinsip dan amalan “muafakat” yang dilakukan dalam masyarakat Melayu. Sebagai Contoh ialah:

adat hidup bermasyarakat,
berat ringan sama diangkat,
dalam sakit ubat mengubat,
dalam senang ingat mengingat,
duduk berdiri dalam mufakat,
sebarang kerja dalam sepakat,
taat setia menjaga adat,
tidak memilih jauh dan dekat.

(Tenas Effendy, 2006:82)

Penginterpretasian kata kunci “muafakat” yang dikenal pasti sebagai antara yang utama dalam komponen hati budi Melayu melalui sifat diri secara berkelompok orang Melayu berdasarkan komponen terasnya menjelaskan bahawa prinsip “muafakat” tersebut wujud dalam masyarakat Melayu. Hal ini demikian kerana kata kunci berkenaan dilihat mempunyai hubungan sosial bagi menggambarkan corak kehidupan masyarakat Melayu sehingga diangkat sebagai sebuah bangsa yang berketamadunan tinggi. Selain itu, kewajarannya untuk diletakkan sebagai kata kunci utama mewakili sifat orang Melayu daripada individu kepada secara berkelompok.

Teguh

Dalam komponen hati budi Melayu, sifat “teguh” dapat dikaitkan dengan keyakinan untuk hidup berdikari demi mencapai kejayaan dunia akhirat. Masyarakat Melayu sentiasa “teguh” dengan apa jua yang dilakukan untuk terus maju ke hadapan. Dengan erti kata lain, dalam setiap tindakan, mereka akan sentiasa berpegang “teguh” kepada prinsip hidup yang telah dibina. Hal ini akan mewujudkan rasa percaya kepada kemampuan diri sendiri dan tidak bergantung harap kepada pertolongan orang lain. Hal ini demikian kerana sikap berharap kepada orang lain akan menyebabkan nilai diri terdagai dan pemikiran masyarakat Melayu tidak dapat berkembang baik dan kesannya akan membawa kepada kemunduran sesebuah bangsa dan tamadun.

Apabila membicarakan sifat “keteguhan” dalam masyarakat Melayu, dilihat bahawa aspek nilai dalam masyarakat Melayu merupakan sumber penting kepada pembentukan sifat ini. Antara aspek nilai masyarakat yang dimaksudkan di sini ialah menghormati orang lain, rajin dan tekun melaksanakan tugas, jujur, dan amanah serta bermuafakat. Dengan tertanamnya aspek ini dalam jiwa orang Melayu, maka orang Melayu tetap menjadi orang Melayu walau ke mana mereka pergi. Dalam hal ini, jelas menunjukkan masyarakat Melayu tidak perlu perubahan untuk menjadi orang lain dan mengubah identiti untuk memenuhi keperluan diri dan orang lain.

Selain itu, seseorang yang bersifat “teguh” juga mampu mengajar masyarakat Melayu agar sentiasa berpegang kepada ajaran Islam. Hal ini demikian kerana secara tidak langsung, kelompok ini akan dapat membezakan yang mana satu perkara yang benar dan salah. Sifat “teguh” tersebut juga telah membina ketahanan psikologi masyarakat Melayu daripada berbolak-balik terhadap diri sendiri dalam pencarian jati diri. Muhammad Endut, Johar Seman & Mashitoh Ahmad (2008:29) menyatakan bahawa terdapat banyak hikmah disebalik kelompok masyarakat yang berpegang “teguh” kepada ajaran Islam. Antaranya, beroleh kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat, terpelihara daripada perbuatan maksiat dan mungkar, memperoleh ketenangan jiwa dan memperoleh kejayaan.

Berdasarkan perbincangan di atas, sifat “teguh” dalam diri masyarakat Melayu terbahagi kepada tiga keadaan, iaitu “teguh” prinsip diri, “teguh” kepada nilai masyarakat dan “teguh” kepada ajaran Islam. Ketiga-tiga keadaan ini telah berjaya membentuk akhlak orang Melayu dan mengajar masyarakat ini untuk berpegang “teguh” kepada prinsip diri walaupun wujudnya pengaruh luar yang cuba merubah prinsip tersebut. Dalam hal ini, jelas menunjukkan tidak wujud sama sekali sikap kebergantungan kepada orang lain untuk mengekalkan prinsip yang menjadi pegangan masyarakat Melayu selama ini. Dalam komponen teras hati budi Melayu, khususnya dalam Komponen 18 ada menyebutkan tentang hal tersebut:

Apa tanda Melayu jati,
Di kaki sendiri ia berdiri,
Percaya teguh ke diri sendiri,
Hidup menumpang ia tak sudi,
Percaya kepada kemampuan diri.

(Hashim Musa, 2008:11)

Berani

Seterusnya, kata kunci yang dibincangkan dalam aspek sifat diri orang Melayu secara berkelompok ialah “berani”. “Berani” ialah sifat yang ada pada seseorang yang sanggup berjuang dengan penuh kesabaran bagi mempertahankan agama, diri, maruah, akal, keturunan, harta benda, dan negara (Asmawati Suhid, 2009:101). Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 disebabkan adanya sifat “berani” dalam diri pemimpin Melayu pada masa itu untuk bersuara dan mendapatkan hak mutlak tanah air yang telah dijajah oleh pihak British. Kesannya, Malaysia berjaya keluar daripada cengkaman penjajah dan dapat berdikari sendiri tanpa perlu mengikut telunjuk Barat. Dalam komponen hati budi Melayu, sifat “berani” tertumpu kepada sifat untuk mempertahankan, memelihara atau menjaga sesuatu perkara penting yang menjadi hak milik agar tidak dicabuli oleh orang luar. Buktinya:


Apa tanda Melayu jati,
Hak miliknya ia cemati,
Hak milik orang ia hormati,
Membela yang hak berani mati,
Membela hak milik menahan cemati.

(Hashim Musa, 2008:11)

Dengan tertanamnya sifat “berani” dalam diri orang Melayu sekaligus ianya telah berjaya membentuk harga diri masyarakat tersebut di mata orang luar. Menurut Azizi Yahaya & Jaafar Sidek Latif (2006:11) harga diri merujuk kepada cara individu menilai diri sendiri. Oleh itu, masyarakat Melayu merasakan bahawa demi harga diri, mereka “berani” memperjuangkan dan mempertahankan agama, bangsa dan tanah air. Kesannya, orang luar berasa tercabar dan tergugat apabila melihat keberanian orang Melayu yang tiada tandingannya khususnya dalam menjaga haknya.

Selain itu, tujuan kata kunci “berani” tersebut ditonjolkan dalam hati budi Melayu adalah untuk menunjukkan sifat orang Melayu yang sentiasa berjuang menegakkan kebenaran dan sanggup mempertahankan sesuatu yang diakui benar demi maruah diri. Sifat “keberanian” ini sememangnya dituntut dalam agama Islam. Menurut Muhammad Muhyidin (2008:199), Islam merupakan agama yang mengajarkan “keberanian” kepada penganutnya. Selain itu, beliau turut menyebutkan bahawa sifat “berani” itu terbahagi kepada beberapa bahagian, iaitu “berani” untuk hidup, “berani” untuk menghadapi kenyataan hidup, “berani” untuk menjadi baik dalam hidup, “berani” menegakkan kebenaran dan keadilan, “berani” melawan ketakutan serta “berani” melawan kezaliman. Melalui penginterpretasian yang telah dilakukan, dapat ditegaskan di sini bahawa sifat “berani” boleh diibarat seperti “isi dengan kuku” yang tidak dapat dipisahkan dalam diri orang Melayu. Malah, sifat “keberanian” ini jelas terpancar dalam diri orang Melayu dalam memperjuangkan keperluan hidup serta membela bangsa, agama dan negara.


Melalui perbincangan keempat-empat kata kunci di atas, dipaparkan rajah padanan komponen teras hati budi Melayu dengan kata kunci yang dikenal pasti sebagai mewakili sifat diri orang Melayu secara berkelompok seperti dalam rajah di bawah:



Rajah 2. Padanan komponen teras hati budi Melayu dengan kata kunci yang dikenal pasti dalam sifat orang Melayu secara berkelompok.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, pengenalan pastian dan penginterpretasian kata kunci sebagai istilah utama dalam pembentukan 26 komponen teras hati budi Melayu yang telah dibincang di atas, menggambarkan wujudnya perkaitan makna dalam pembentukan hati budi masyarakat Melayu. Setiap makna dalam kata kunci yang diinterpretasi jelas memperlihatkan hadirnya satu unsur keperibadian yang seimbang dalam pelbagai acuan kehidupan masyarakat Melayu. Di bawah ini diperturunkan rajah komponen teras hati budi Melayu dan kata kunci yang dibincangkan melalui dua aspek, iaitu sifat orang Melayu secara individu dan berkelompok:



Rajah 3. Sifat orang Melayu secara individu dan berkelompok berdasarkan 26 komponen teras hati budi Melayu.

Setiap kata kunci yang diinterpretasi yang diberikan maknanya secara jelas menunjukkan bahawa setiap satu daripadanya melambangkan jati diri masyarakat Melayu yang tersendiri. Hal ini dapat dilihat melalui penginterpretasian dan pemaknaan kata kunci yang diuraikan mengikut pembahagian dua sifat utama orang Melayu, iaitu sifat diri secara individu dan sifat diri secara berkelompok. Kedua-dua aspek berkenaan merungkai makna setiap kata kunci yang didukung di dalamnya mempunyai pengimejan hati budi yang tersendiri. Sebagai contoh, kata kunci yang diinterpretasi mengikut kedua-dua aspek, menjelaskan bahawa masyarakat Melayu merupakan sebuah masyarakat yang terbina nilai hati budinya berasaskan kepada ilmu, asas didikan yang diterima, prinsip dan pegangan yang bersumberkan al-Quran dan hadis. Pemupukan dan penerusan sifat-sifat keperibadian orang Melayu itu secara individu dan secara kelompok amat penting demi pelestarian budaya dan peradaban pemikiran masyarakatnya.

RUJUKAN

- Abbas Mohd Shariff. (2004). *Adab Orang Melayu*. Singapura: Alfa Media.
- Abdul Rahman Abdullah. (2005). *Wacana Falsafah Ilmu: Analisis Konsep-konsep Asas dan Falsafah Pendidikan Negara*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Akashah Ismail. (2010). *Sejarah*. Bangi: Bangi: Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.
- Al-Ghazali. (2011). *Mutiara Ihya' 'Ulumuddin*. Shah Alam: Illusion Network.
- Al-Quran. (*Surah al-Anfaal*:27).
- Al-Quran. (*Surah al-Bayyinah*, 98:5).
- Al-Quran. (*Surah an-Nahl*:96).
- Al-Quran. (*Surah al-Nisa'*:58).
- Asmawati Suhid. (2009). *Pendidikan Akhlak dan Adab Islam: Konsep dan Amalan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Azizi Yahaya & Jaafar Sidek Latif. (2006). *Membentuk Identiti Remaja*. Bentong: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Haron Din. (2007). *Islam: Rujukan Efektif Akhlak Mulia*. Batu Caves: PTS Millennia Sdn. Bhd.
- Hashim Musa. (2006). *Pengantar Falsafah Bahasa: Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Musa. (2008). *Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad ke-21*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Hussein Al-Attas, Syed. (1977). *The Myth of the Lazy Native*. London: Frank Cass.
- Ismail Hamid. (1991). *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kassim Ahmad. (1996). *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lee Sin Lian & Aleeya Atiqah Ammar. (2009). *Sejarah*. Bangi: Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.
- Mahathir Mohamed. (1970). *The Malay Dilemma*. Singapura: Asia Pasific Press.
- Mohd Nasir Omar. (2005). *Akhlak dan Kaunseling Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Muhammad Endut, Johar Seman & Mashitoh Ahmad. (2008). *Pendidikan Islam*. Bangi: Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.
- Muhammad Muhyidin. (2008). *Berani Hidup Siap Mati: Prinsip Menjalani dan Menikmati Hidup Seharian dengan Spirit Ilahi*. Bandung: PT Mizan Pustaka.
- Paul Suparno. (2011). *Orang Muda Mencari Jati Diri di Zaman Moden*. Yogyakarta: Penerbit Kanisius.
- Senu Abdul Rahman (ed.). (1971). *Revolusi Mental*. Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melayu.
- Sheikh Abdul Qadir Mandili. (1964). *Penawar Bagi Hati*. Yala: Sahabat Press.
- Swettenham, F. A. (1955). *British Malaya*. London: Allen & Unwin.
- Tenas Effendy. (2004). *Ethos Kerja*. Pekanbaru: Unri Press.

Penginterpretasian Makna Kata Kunci dalam Pembentukan Hati Budi Melayu sebagai Simbol Pelestarian Budaya dan Peradaban Masyarakat

- Tenas Effendy. (2006). *Tunjuk Ajar Melayu*. Jogjakarta: Balai Kajian dan Pengembangan Budaya Melayu dengan kerjasama Penerbit AdiCita.
- Thomas, J. (1995). *Meaning in Interaction: An Introduction to Pragmatics*. Kuala Lumpur: Longman.
- Za'ba. (1982). *Perangai Bergantung kepada Diri Sendiri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.